

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

**Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan adakah Kementerian akan meningkatkan sokongan tempat
perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga baru dan
meneruskan sokongan kepada 34 tempat perlindungan yang sedia ada.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin dan menyokong sebarang usaha penambahbaikan ke atas tempat perlindungan bagi memastikan mangsa rumah tangga berada dalam keadaan yang terbaik dan selamat.

Pada masa ini, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengendalikan 32 buah tempat perlindungan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Selain itu, terdapat 8 buah tempat perlindungan yang dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Kementerian akan sentiasa memantau dan menilai tempat perlindungan sedia ada bagi memastikan kemudahan fizikal tersebut sesuai dengan keperluan semasa.

Dalam memastikan tempat perlindungan ini memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada mangsa keganasan rumah tangga, Kementerian dengan kerjasama NGO sedang dalam proses membangunkan Garis Panduan dan Piawaian Tempat Perlindungan bagi Mangsa Keganasan Rumah Tangga yang dijangka akan dilancarkan pada 9 Mac 2016. Garis panduan ini menetapkan elemen-elemen penting seperti perkhidmatan

kaunseling dan keperluan-keperluan minimum yang perlu disediakan oleh setiap tempat perlindungan sama ada yang berada di bawah kendalian JKM atau NGO.